

# Chong Ketua Menteri baru Sabah

UM 17 MAR 2001

Oleh ZAHARUDDIN MOHD ALI

KUALA LUMPUR 16 Mac — Sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah yang disebut-sebut akan dimansuhkan diteruskan apabila ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kudat Datuk Chong Kah Kiat dilantik ke jawatan tersebut hari ini.

Pengumuman mengenai pelantikan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dianggap sebagai sesuatu yang di luar jangkaan.

Malah beliau sendiri sebelum ini pernah membayangkan sistem penggiliran ini tidak akan diteruskan.

Namun semasa mengumumkan pengganti Ketua Menteri Datuk Osu Sukam yang tamat tempoh perkhidmatannya semalam Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN turut menyentuh mengenai kaedah baru pelaksanaan sistem itu.

Katanya UMNO selaku anggota komponen terbesar dalam BN Sabah diberi hak untuk menjadi Ketua Menteri sebanyak dua kali dalam satu penggal kerajaan.

Semua parti menerima formula ini dan

■ Lihat muka 4

# Chong Ketua Menteri baru Sabah

UM 17 MAR 2001

mereka akan membuat penjelasan kepada penyokong penyokong masing-masing ka-tanya tanpa mengulas lanjut formula itu selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Dato Onn di sini.

Bagaimanapun Pengerusi Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee yang ditemui pemberita selepas itu memberitahu UMNO akan memegang jawatan Ketua Menteri secara silih berganti dengan parti komponen BN lain.

Pengumuman Perdana Menteri berhubung pelantikan itu bagaimanapun tidak pula menyatakan bila Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) akan memulakan tugasnya.

Beliau tidak sempat menjelaskan bagaimana formula baru itu dilaksanakan kerana kesuntukan masa untuk menunaikan solat Jumaat.

Chong yang kini menyandang jawatan Menteri Pembangunan Pelancongan Alam Sekitar Sains dan Teknologi dalam kerajaan negeri ialah ahli Dewan Undangan Negeri Sabah kawasan Kudat.

Terdahulu Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan anggota badan perhubungan UMNO Sabah sebelum berbincang dengan ketua ketua parti komponen BN Sabah.

Menurutnya beliau akan berbincang dengan Chong mengenai barisan pemimpin negeri tetapi percaya tidak akan berlaku banyak perubahan.

Sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah telah diperkenalkan pada 1994 bertujuan menyediakan peluang kepada para pemimpin tiga kumpulan etnik utama di Sabah bumiputera Islam bumiputera bukan Islam dan Cina untuk berkhidmat sebagai Ketua Menteri masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Ada pihak yang mahukan sistem itu dikekalkan dan pada masa yang sama yang lain mahu ia dihapuskan.

Sistem itu dicadangkan oleh Dr Mahathir semasa pilihan raya negeri Sabah pada 1994. Ia dilaksanakan apabila BN menawan semula kerajaan negeri daripada pembangkang pada 17 Mac 1994 hampir tujuh tahun lepas.

## Penggiliran

Sejak beberapa bulan lalu pelbagai spekulasi telah dibuat berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu.

Banyak pihak termasuk pemimpin parti politik di Sabah juga percaya sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah akan dimansuhkan.

Dr Mahathir pada 17 Februari lalu berkata sistem penggiliran jawatan seperti yang dilaksanakan bagi Ketua Menteri Sabah hanya melahirkan siri pemimpin yang lemah dan tidak meyakinkan.

Menurut Perdana Menteri kerajaan yang ditubuhkan oleh pemimpin berkenaan akan menjadi tidak efektif.

Ketua Menteri pertama di bawah sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai dari UMNO. Sakaran memberi laluan kepada Datuk Salleh Said Keruak juga dari UMNO apabila beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah.

Datuk Yong Teck Lee dari Parti Maju Sabah (SAPP) kemudian menggantikan Salleh bagi mengisi penggiliran untuk kaum Cina.

Tan Sri Bernard Dompok dari Pertubuhan Pasok Momomugun Kadazandusun Bersatu (UPKO) yang menggantikan Yong sebelum pilihan raya negeri 1999 tewas pada pilihan raya itu selepas memegang jawatan itu separuh daripada tempoh penggal dan digantikan oleh Osu dari UMNO.

Dilaporkan bahawa selepas Osu menamatkan penggalnya jawatan nombor satu itu akan diserahkan kepada Kadazandusun untuk melengkapkan baki tempoh Dompok.